



16 - 30 SEPTEMBER, 2022

PENANG 2030

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow


# Jelajah ❤ PENANG

## dekati komuniti, bersama hadapi cabaran pasca pandemik

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**PERMATANG BERANGAN** – Dalam usaha mengenal pasti keperluan masyarakat pada peringkat akar umbi, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memulakan inisiatif Jelajah ❤PENANG ke seluruh kawasan Parlimen di negeri ini.

Bermula pada 6 Jun lalu di Parlimen Bukit Bendera, beliau kemudiannya meneruskan jelajah ke beberapa lagi Parlimen termasuk Kepala Batas, Tasek Gelugor, Permatang Pauh, Nibong Tebal, Balik Pulau, Bayan Baru, Bukit Mertajam dan Batu Kawan.

Kon Yeow berkata bahawa jelajah tersebut dijalankan bagi membolehkan beliau berinteraksi secara terus dengan masyarakat dan memahami permasalahan yang dihadapi oleh penduduk setempat.

"Program ini dianjurkan dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan yang mana ia merupakan peluang untuk saya mendekati rakyat dan mengambil maklum permasalahan yang mereka hadapi.

"Sekiranya terdapat sebarang masalah atau keperluan yang diutarakan sepanjang jelajah ini, Pejabat Daerah atau agensi-agensi berkaitan perlu mengambil tindakan susulan terhadap beberapa isu yang dibangkitkan.

"Antaranya, berkaitan isu peruntukan untuk beberapa projek pembangunan infrastruktur dan sebagainya yang memerlukan perhatian daripada Kerajaan Negeri," katanya sempena Jelajah ❤PENANG ke Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Permatang Berangan dalam Parlimen Tasek Gelugor di sini pada 1 Ogos lalu.




**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, wakil-wakil berkaitan dan komuniti setempat merakam gambar kenangan di Jeti Pantai Bisik Penaga pada Siri Jelajah ❤PENANG Kepala Batas di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa Jelajah ❤PENANG akan diteruskan sehingga semua 13 kawasan Parlimen di negeri ini selesai dilawati.

"Program ini bukan bermotifkan politik kerana kami tidak bercakap soal politik semasa jelajah diadakan tetapi apa yang paling penting adalah bagaimana kami mendekati komuniti setempat dan mendengar permasalahan mereka.

"Lebih penting lagi, kita mahu rakyat merasakan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa bersama-sama mereka dalam menghadapi cabaran selepas pandemik COVID-19," ulasnya lanjut.

Dalam jelajah tersebut juga, beliau berkesempatan menyerahkan sumbangan wang tunai kepada isteri mangsa kemalangan jalan raya dekat Merbau Kudung yang meninggal dunia pada 21 Julai lalu.

Sumbangan tersebut disampaikan Kon Yeow di kediaman isteri mangsa, Shafaah Suaid, 35, dekat Pokok Tampang di sini.

Ketika ditemui Buletin Mutiara, Shafaah menzahirkan penghargaan tidak terhingga atas keprihatinan Kon Yeow yang sudi menghulurkan sumbangan tersebut bagi mengurangkan beban mereka sekeluarga.

"Terima kasih kepada Ketua Menteri dan pasukan beliau kerana sudi datang menziarah serta menyampaikan sumbangan kepada kami.

"Saya sangat hargai sumbangan ini apatah lagi selepas kehilangan suami yang merupakan tonggak utama keluarga," katanya yang bekerja sebagai operator kilang dekat Juru.

Difahamkan, mangsa Muhamad Fitri Rosli, 34, meninggalkan seorang ibu, seorang balu serta dua anak lelaki masing-masing berumur tujuh dan tiga tahun.

# RMM Pengkalan Tambang jayakan agenda perumahan rakyat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan seusai Majlis Pecah Tanah RMM Pengkalan Tambang bersempena Siri Jelajah ❤PENANG Parlimen Permatang Pauh di sini baru-baru ini.**

**PERMATANG PASIR -** Kerajaan Negeri hari ini akan melaksanakan satu lagi projek perumahan mampu milik (RMM) di atas sebidang tanah berkeluasan 23 ekar di Pengkalan Tambang dekat sini.

Projek tersebut terdiri daripada tiga blok rumah pangsa lima tingkat yang mengandungi 350 unit RMM Jenis A (dengan harga RM42,000 seunit) di atas tanah berkeluasan 4.6 ekar; 440 unit RMM Jenis C3 (maksimum harga RM250,000 seunit) atau rumah bandar *(townhouse)* melibatkan tanah seluas 18.4 ekar serta kemudahan lain seperti surau, dewan komuniti dan tapak rumah ibadat bukan Islam (RIBI).

Semasa melancarkan projek tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap ia akan menjadi satu lagi batu loncatan buat Kerajaan Negeri dalam melaksanakan agenda perumahan rakyat.

"Sesungguhnya, pelancaran projek ini merupakan satu lagi *'milestone'* dalam usaha Kerajaan Negeri bukan sahaja untuk menjayakan agenda perumahan rakyat, namun juga merangkumi kejayaan dasar-dasar negeri yang memberi fokus kepada pertumbuhan (ekonomi) dan kemajuan negeri Pulau Pinang secara saksama di antara bahagian pulau serta Seberang Perai.

"Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri untuk melihat perkembangan positif daripada pembangunan projek perumahan ini yang mana saya pasti mampu memberi nilai tambah lebih baik kepada masyarakat di sini terutama dari segi peningkatan status ekonomi serta kualiti hidup rakyat yang lebih baik dan selesa," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi dalam Majlis Pecah Tanah RMM Pengkalan Tambang bersempena Siri Jelajah ❤PENANG Parlimen Permatang Pauh di sini pada 30 Julai 2021.

Di samping itu, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong turut memberitahu bahawa Kerajaan Negeri sejak tahun 2014 telah memperkenalkan semula kaedah sewa beli *(rent-to-own)*, memandangkan wujudnya kadar penolakan permohonan pinjaman bank yang agak tinggi sebelum ini.

"Saya berharap YB Jagdeep ingat perkara yang diminta oleh YB (Muhammad) Faiz Fadzil (ADUN Permatang Pasir) juga iaitu keutamaan untuk penduduk tempatan mendiami unit kediaman apabila projek ini siap kelak.

"(Selain itu,) sekiranya pemaju ingin menawarkan sewa beli kepada RMM (Jenis) A yang dibina, sudah pasti ia memberikan kegembiraan berganda kepada bakal penerima di perumahan ini," ujarnya.

Sebelum itu, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa Kerajaan Negeri hari ini akan terus mengutamakan agenda perumahan rakyat, sebagaimana disebut dalam Manifesto Pakatan Harapan bersempena Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) kira-kira empat tahun lepas.

Sehingga kini, menurut beliau, jumlah unit kediaman yang siap dibina, dalam proses pembinaan dan telah lulus projek untuk dimajukan mencecah sebanyak 138,545 unit atau 62.9 peratus berbanding sasaran 220,000 unit di bawah Visi Penang2030.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan terus berbincang dengan seramai mungkin pihak pemaju swasta untuk memastikan sasaran Visi Penang2030 (iaitu membekalkan 220,000 unit kediaman tercapai," ulas ADUN Datuk Keramat tersebut.

Sementara itu, Muhammad Faiz mengesyorkan Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) supaya mewujudkan kuota khas untuk penduduk lokal memiliki rumah dalam projek RMM Pengkalan Tambang kelak.

Di samping itu, beliau turut mencadangkan diwujudkan sebuah galeri Nordin Ahmad sebagai memperingati seniman negara itu yang merupakan anak jati di sini, jika syarikat pemaju Tetuan Spirit of Seberang Perai Sdn. Bhd. mempunyai lebihan kewangan (surplus) dalam dua fasa projek RMM Pengkalan Tambang kelak.

## Sekolah Sinar Harapan terima RM50,000 sumbangan Ketua Menteri

**SEBERANG JAYA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam Siri Jelajah ❤PENANG Ke Parlimen Permatang Pauh turut meluangkan masa menziarahi Sekolah Sinar Harapan dekat Permatang Rawa, iaitu sekolah yang dikelolakan oleh Persatuan Kebajikan Kanak-Kanak Terencat Akal Seberang Perai Tengah.

Semasa berucap, beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi turut mengumumkan penyampaian RM50,000 sumbangan khas daripada peruntukan Ketua Menteri bagi membaik pulih pam air untuk kemudahan hidro terapi kanak-kanak terpilih di sini.

Di samping itu, Kon Yeow turut mengalu-alukan orang perseorangan dan firma bukan kerajaan supaya tampil memberikan sumbangan kepada pentadbir sekolah bagi membeli sebuah van baharu untuk kemudahan pengangkutan kanak-kanak istimewa yang tinggal dalam radius 10 kilometer (km) dari sini.

"Pada kesempatan jelajah ini, saya ingin mengumumkan sumbangan RM50,000 yang mana untuk membantu pihak sekolah membaik pulih pam air (kemudahan) hidro terapi di sini.

"Mana-mana pihak turut dialu-alukan untuk menyumbang juga bagi mencukupkan sumbangan pihak sekolah membeli van pengangkutan murid-murid yang tinggal dalam radius 10km dari sini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong dalam majlis berkaitan di sini pada 30 Julai 2022.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow memberitahu bahawa tujuan penganjuran Jelajah Ketua Menteri dengan tema '❤PENANG' antara lain demi mengajak kembali rakyat jelata untuk bangkit semula selepas terjejas dan dibelenggu dek COVID-19 sebelum ini.

"Setelah hampir dua tahun kita terkesan akibat COVID-19, inilah masanya bagi pihak Kerajaan Negeri hari ini mendahului dan memimpin sekalian rakyat jelata dari segenap lapisan masyarakat untuk bangkit semula memulakan hidup yang baru," serunya.

Sebelum itu, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar dalam ucapannya turut mengalu-alukan semua pihak tampil memberi sumbangan dalam bentuk duit ringgit hatta masa kepada Sekolah Sinar Harapan.

"Kalau kita ada sedikit sebanyak dokongan, maka berikanlah sokongan…kalau ada duit, sumbanglah; kalau ada masa, ziarahlah anak-anak istimewa di sini," ujarnya.

Di samping itu, Nurul Izzah turut merakamkan penghargaan kepada Kon Yeow kerana meluangkan masa menziarahi Sekolah Sinar Harapan.

Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng yang juga ADUN Padang Lalang; Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan merangkap ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin; Pengerusi Persatuan Kebajikan Kanak-Kanak Terencat Akal Seberang Perai Tengah, Halim Othman dan Pengetua Sekolah Sinar Harapan, Subirin Abu Bakar turut menyertai majlis tersebut.

Ditubuhkan 6 Januari 1968, Sekolah Sinar Harapan dikatakan merupakan sekolah kanak-kanak terencat akal paling tua di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

Mempunyai 11 tenaga pengajar dan 42 pelajar yang mempunyai pelbagai jenis kurang upaya, sekolah tersebut masih memerlukan dana bantuan alternatif, walaupun mendapat geran tahunan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Bantuan dalam bentuk wang tunai boleh disalurkan atas nama Persatuan Kebajikan Kanak-Kanak Terencat Akal SPT menerusi Public Bank (No. Akaun: 3094807010) atau CIMB (No. Akaun: 80-0413165-8). Sebarang bertanyaan dan informasi lanjut, boleh hubungi talian 04-5397568 atau emel *sinarharapanbm@gmail.com*.

# Kerajaan Negeri komited perkasakan IKS

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PERMATANG BERANGAN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited dalam usaha memperkasakan lagi sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa untuk tujuan itu, sebanyak RM40,800 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini bagi menambah baik projek-projek berkaitan Industri Asas Tani serta memperkasakan sosioekonomi masyarakat setempat.

"Peruntukan ini disalurkan melalui Program Farmers To Farmers Industri Asas Tani di bawah Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang.

"Insentif yang diberikan adalah dalam bentuk mesin, peralatan serta kursus dan latihan industri asas tani bagi memastikan peningkatan kapasiti pengeluaran sekali gus dapat menambah pendapatan usahawan pada masa hadapan.

"Diharapkan insentif ini mampu menjana ekonomi setempat serta mewujudkan peluang pekerjaan dan melahirkan lebih ramai usahawan baru dalam industri asas tani," katanya kepada Buletin Mutiara selepas mengadakan lawatan ke premis pembuatan kerepek, Chinta Kerepek House dekat Jalan Permatang Perangan B, Pokok Tampang di sini pada 1 Ogos lalu.



**RAKAMAN gambar kenangan Puan Tan Lean Kee bersama-sama pemilik serta pengusaha Chinta Kerepek House.**

Lawatan tersebut adalah bersempena Siri Jelajah ❤PENANG ke Parlimen Tasek Gelugor.

Turut hadir, isteri Ketua Menteri, YABhg. Puan Tan Lean Kee; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; Pegawai Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Zulkifli Rashid; Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang, Mohd. Muhaimin Ibrahim; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Ooi Yoon Wooi; Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri, Lay Hock Peng serta ramai lagi.

Difahamkan, Chinta Kerepek House merupakan salah satu perusahaan yang dijalankan di bawah projek Farmers To Farmers Industri Asas Tani yang membabitkan lima peserta.

Projek tersebut dilaksanakan secara berkumpulan di bawah Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Pokok Tampang yang telah menerima bimbingan daripada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang.

Terdahulu, Kon Yeow turut mengadakan lawatan kira-kira 30 minit ke Jeti Lebuh Banting untuk melihat sendiri program-program IKS yang dijalankan di kawasan berkaitan.

Pada kesempatan sama, beliau juga berkesempatan menyaksikan demonstrasi masakan bagi penyediaan beberapa produk IKS antaranya pembuatan ikan pekasam, tapai dan makanan tradisi 'pekngа' atau nama asalnya 'tempek belanga' di samping mencuba permainan tradisional 'Cak Plong'.

## Ibu tunggal gembira Kerajaan Negeri bantu bina rumah baru

**TELOK AYER TAWAR -** Keceriaan jelas terpancar di wajah **FATIMAH HARUN**, 69, apabila impiannya untuk memiliki kediaman sendiri akhirnya tercapai hasil keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Fatimah yang merupakan seorang ibu tunggal kini hidup menumpang di kediaman milik abang kandungnya sejak lebih enam tahun lalu.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, Fatimah yang bekerja sebagai guru mengajar Al-Quran separuh masa meluahkan rasa syukur dan gembira apabila beliau berpeluang tinggal di rumah sendiri yang lebih selesa apabila siap kelak.

"Sebelum ini, saya memang mempunyai rumah sendiri tetapi telah diarahkan keluar kerana tanah yang saya duduki ketika itu adalah milik individu lain.

"Selepas itu, abang saya membantu menyediakan sebuah rumah untuk saya di atas tanah sendiri untuk saya tinggal bersama-sama dengan dia dan lapan anaknya.

"Malangnya, abang saya sudah meninggal dunia dua tahun lalu, dan rumah ini kini didiami oleh keluarga anak saudara saya.

"Oleh itu, saya memerlukan sebuah rumah untuk saya jalani hidup dengan lebih selesa.



**FATIMAH Harun.**

"Syukurlah, Kerajaan Negeri Pulau Pinang begitu prihatin dan setuju membina sebuah rumah baru untuk saya," katanya yang tidak mempunyai cahaya mata ketika ditemui sempena lawatan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada Siri Jelajah ❤PENANG Parlimen Tasek Gelugor ke tapak projek rumah berkenaan dekat Permatang Tok Gelam di sini pada 1 Ogos lalu.

Dalam pada itu, Kon Yeow berkata bahawa projek pembinaan rumah baru bernilai RM55,000 itu adalah dilaksanakan di bawah Projek Ekonomi Khas bagi membantu rakyat termiskin di negeri ini yang belum memiliki kediaman sendiri.

"Program ini sudah berjalan di setiap daerah, misalnya di daerah SPU, sebanyak 42 buah rumah telah dibina sejak tahun 2017 hingga kini.

"Jadi, kita berharap program ini dapat membantu golongan berpendapatan rendah memiliki sebuah rumah yang lebih selesa berbanding keadaan sedia ada.

"Projek ini akan diteruskan dan membawa impak kepada golongan yang memerlukan," katanya sambil menambah bahawa peruntukan bagi program tersebut disediakan setiap tahun di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Luar Bandar.

Difahamkan, syarat untuk memohon bantuan bina rumah baru di bawah program tersebut adalah seseorang haruslah warganegara berumur 35 tahun ke atas dan merupakan pemastautin atau berdaftar sebagai pengundi di negeri Pulau Pinang.



**RUMAH baru yang sedang didirikan di bawah Projek Ekonomi Khas MMK Pembangunan Luar Bandar bagi membantu rakyat termiskin di negeri ini yang belum memiliki kediaman sendiri.**




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Potensi Sungai Perai sebagai



KEHIJAUAN Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam yang menjadi lokasi utama aktiviti mencerap burung hijrah yang terkenal di negara ini.

**SEHINGGA** kini, Sungai Perai masih dikenali sebagai antara lubuk 'udang galah sepit biru' yang terkenal dalam kalangan nelayan tempatan, juga kaki pancing.

Demikian kata **ABU BAKAR KIMAN**, 50, Pemandu Pelancong Alam Semulajadi yang mengiringi wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** dari jeti Pengkalan Machang dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Dua di sini pada 1 Ogos 2022.

Menurut beliau, baguslah Jelajah ❤PENANG Ke Parlimen Tasek Gelugor yang diketuai Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memilih untuk menelusuri jalan Sungai Perai sepanjang 12.3 kilometer (km), kalau dihitung dari Ampang Jajar hingga destinasi akhir di Labuh Banting.



ABU Bakar Kiman.

"Sekian lama manusia bergantung kepada sungai untuk hidup, menangkap ikan serta menjalankan aktiviti pertanian lain.

"Di sepanjang Sungai Perai ini, hingga kini kita dapat melihat begitu banyak jeti tempat bot-bot nelayan berlabuh.

"Kalian beruntung, walaupun bukan nelayan, berpeluang untuk menyaksikan sendiri pelbagai aktiviti masyarakat setempat di sepanjang sungai ini, apabila menelusuri dengan bot ini," jelasnya.

Mesra dipanggil 'Abu', Pemandu Pelancong Alam Semulajadi yang berpejabat di Taman Negara Pulau Pinang dekat Teluk Bahang itu turut memberitahu bahawa beberapa kawasan di sepanjang Sungai Perai sehingga kini masih dikenali sebagai 'lubuk udang galah sepit biru', dalam kalangan nelayan tempatan serta kaki pancing.

"Kalau ada rezeki, kita mungkin boleh berpeluang lihat bagaimana mereka menjala dan mengail di Sungai ini," selorohnya lagi.

Kata beliau, hampir 3,000 nelayan mencari rezeki dengan bergantung kepada sumber alam semula jadi di sepanjang Sungai Perai ini.

**Berembang dan kelip-kelip**

Di sepanjang Sungai Perai, ada beberapa kawasan dipagari pokok nipah yang menjadi tempat pembiakan udang.

Selain itu, permukaan air Sungai Perai di beberapa kawasan lain turut dilitupi tumbuh-tumbuhan seperti kangkung air, yang terapung dan bergerak bersama-sama arus seperti tikar.

Abu turut menunjukkan tumbuhan-tumbuhan lain seperti pokok berembang dengan helai daun yang agak lebar berbanding di tempat-tempat lain; kalau dipulihara dan dipelihara akan menjadi lokasi pembiakan kelip-kelip.

"Dengan adanya pokok berembang ini, di Sungai Perai ini juga boleh menjadi lokasi pembiakan kelip-kelip seperti di Kuala Selangor serta Teluk Ipil (Seberang Perai Selatan, SPS)," ujarnya.

**Sumber sejarah yang menarik**

Mengulas lanjut, Abu menyatakan bahawa Sungai Perai bukan sahaja kaya dengan sumber flora dan fauna di samping pelbagai aktiviti sosioekonomi masyarakat tempatan, malah mempunyai pelbagai kisah serta sejarah rakyat yang menarik.

Tidak jauh dari Sungai Perai, Abu memberitahu bahawa Kampung Kota yang terletak di Seberang Perai Tengah (SPT) merupakan antara kampung terawal yang dibuka pada kurun ke-18 atau mungkin lebih awal dari itu.

Zaman dahulu, Sungai Perai adalah jalan perhubungan penting bermula dari Kuala Sungai Perai melalui Kampung Titi Timbul, Bagan Serai, Sama Gagah, Tanjong Putus, Pengkalan Machang, Sungai Dua, Kampung Raja dan akhirnya Kampung Kota.

Kemudian, kata Abu, melalui Sungai Perai ini juga dahulu boleh terus ke Air Hitam Dalam, Labuh Banting, Lahar Yooi, Lubuk Meriam mengikut cabang Sungai Kereh yang berakhir dekat Pinang Tunggal dan ke Kampung Terus, Kampung Kubu, Guar Perahu, Mengkuang Titi dan terus ke Lunas serta Kulim mengikut lembangan sungai utamanya.

"Dari kedudukan geografi, Kampung Kota ini boleh dikatakan terletak di tengah-tengah lembangan Sungai Perai yang hulu sungainya di Daerah Kulim.

"Maka, boleh dikatakan Kampung Kota yang terletak di tengah-tengah lembangan Sungai Perai ini sebagai penempatan terawal dan paling penting di bahagian Seberang Perai," ulasnya lanjut.

Beliau turut memberitahu bahawa nama Kampung Kota adalah sempena peristiwa kerabat Kesultanan Kedah yang terlibat dalam Perang Musuk Bisik, kemudian lari berkubu di Seberang Perai dengan membina kota daripada pokok-pokok buluh dan aur.

Mengiringi bot yang dinaiki Kon Yeow serta barisan pemimpin Kerajaan Negeri ke Hutan Pelajaran Air Itam Dalam dekat Kawasan Parlimen Tasek Gelugor, Abu turut membawa kami melihat Rumah Pam Air Itam.

"Dahulu, PBAPP (Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang) pernah mengoperasikan Rumah Pam Air Itam untuk mengabstrak air mentah dari Sungai Perai ini, tetapi kini dihentikan kerana air mentah yang begitu tinggi (melebihi kekeruhan normal air mentah di bawah 1,000 Unit Kekeruhan Nephelometric, NTU)," jelasnya.

Menurut beliau, ia adalah penarafan kekeruhan yang luar biasa tinggi yang mana kekeruhan normal air mentah dari Sungai Muda adalah di bawah 1,000 NTU.

*(Sambungan di muka 5).*



PEMANDANGAN aliran sungai dari jeti yang terletak di Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam.




KETUA Menteri dan delegasi ketika menaiki bot menelusuri Sungai Perai.

(Sambungan dari muka 4).

# produk pelancongan agro

Sebelum itu, Abu turut menunjukkan 'jambatan penambang' dekat sungai yang digunakan sebagai laluan sehala kenderaan sehingga awal tahun 1990-an bagi merentasi Sungai Perai.

**Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam**

Jerayawara Ketua Menteri di Hutan Pelajaran Air Itam Dalam diiringi Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang, Muhammad Ezhar Yusof.

Muhammad Ezhar memberitahu bahawa jeti dan struktur jambatan konkrit yang baru siap dibina dari gigi Sungai Perai ke Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam adalah disumbangkan oleh agensi persekutuan, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA).

Di samping itu, beliau memberitahu bahawa jambatan gantung sepanjang 210 meter (m) di lokasi berkaitan merupakan antara simbol tarikan pelancongan agro ke sini.

"Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam juga merupakan antara 100 lokasi utama untuk aktiviti mencerap burung hijrah yang terkenal di negara ini, dan ia juga merupakan antara hutan simpan kekal yang akan terus dipulihara melalui Jabatan Perhutanan Negeri.

"Kawasan ini juga menarik dengan struktur konkrit balapan sepanjang 1.5 kilometer (km) di atas hutan paya untuk kemudahan pelancong," katanya sambil memberitahu bahawa kawasan tersebut menerima kira-kira 1,500 pengunjung setiap minggu.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menyatakan bahawa pentadbirannya berharap tarikan sedia ada pada Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam di sini akan melengkapkan tarikan kepada keseluruhan produk-produk pelancongan agro di sepanjang Sungai Perai terutama dalam kawasan Parlimen Tasek Gelugor.

"Sebenarnya, MBSP (Majlis Bandaraya Seberang Perai) sedang berusaha membangunkan pelancongan agro di Seberang Perai yang mempunyai beberapa lokasi tumpuan agak menarik.

"Ini, bukan kali pertama saya menelusuri Sungai Perai ini dengan menaiki bot, tetapi pada kali ini ia (Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam) adalah sebahagian daripada produk pelancongan agro Tasek Gelugor yang mempunyai keunikannya dan boleh dipromosikan sebagai produk pelancongan agro di Seberang Perai.

"Di sepanjang Sungai (Perai), kita dapat melihat rutin harian penduduk kampung; ada yang mencari rezeki sebagai nelayan, pesawah, petani, penternak dan peniaga kecil.

"Kita juga dapat lihat spesies-spesies tumbuhan di tebing Sungai (Perai) yang terbahagi pada tiga zon iaitu zon nipah, zon pokok putat dan zon pokok ketapang.

Menelusuri jalan Sungai Perai, jeyawara turut singgah di jeti Labuh Banting, yang mana di sini komuniti setempat terlibat dalam industri kecil dan sederhana (IKS) berkaitan pengeluaran ikan pekasam terkenal.






## HEBAHAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PERMOHONAN RUMAH MAMPU MILIK NEGERI PULAU PINANG DI BAWAH LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG (LPNPP)

Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) memaklumkan keperluan kepada kesemua pemohon Rumah Mampu Milik Negeri Pulau Pinang untuk mengemaskini maklumat permohonan bagi pemohon yang telah memohon pada tahun 2018 dan sebelumnya. Pengemaskinian maklumat ini penting bagi membolehkan permohonan anda kekal berstatus aktif dan terkini.

Pengemaskinian maklumat boleh dibuat secara *online* melalui Portal Rasmi LPNPP iaitu *www.lpnpp.gov.my* atau aplikasi mudah alih eRumah@LPNPP ataupun secara manual dengan memuat turun borang di Portal Rasmi LPNPP. Tempoh pengemaskinian adalah bermula 1 September 2022 hingga 31 Disember 2022.

**Bagaimana untuk memastikan permohonan Rumah Mampu Milik anda KEKAL BERSTATUS AKTIF?**

Perkara **PALING UTAMA** kepada semua permohonan Rumah Mampu Milik pada tahun 2018 dan sebelumnya untuk membuat pengemaskinian maklumat permohonan melalui Portal Rasmi LPNPP atau aplikasi mudah alih eRumah@LPNPP.

**Kenapa pengemaskinian permohonan Rumah Mampu Milik ini perlu dibuat?**

1. Tanpa pengemaskinian maklumat permohonan bermula dari Tahun 2018 dan sebelumnya, maklumat dalam permohonan yang dikemukakan menjadi **TIDAK AKTIF**; dan
2. Sekiranya tidak aktif, permohonan Rumah Mampu Milik akan tidak tersenarai dalam pemilihan semasa penawaran rumah dibuat.

Oleh itu, kepada pemohon Rumah Mampu Milik yang ingin mengemaskini permohonan, kemaskini boleh dilakukan dengan dua (2) kaedah iaitu kemaskini secara *onlinex* atau menghantar borang yang telah dimuat turun di Portal Rasmi LPNPP ke Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), Paras 20, KOMTAR.

Pengemaskinian permohonan Rumah Mampu Milik boleh dibuat dengan kaedah seperti berikut:

**A) Cara Pengemaskinian Permohonan Rumah Mampu Milik Secara Online:**

1. Pengemaskinian boleh dibuat melalui Portal Rasmi LPNPP iaitu *www.lpnpp.gov.my* atau aplikasi mudah alih eRumah@LPNPP; dan
2. Borang PN1 yang telah dikemaskini boleh dimuat turun dan perlu disahkan bersama-sama dokumen sokongan hendaklah dihantar secara serahan tangan atau diposkan kepada Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), Tingkat 20 KOMTAR.
3. Maklumat pemohon boleh dikemaskini secara *online* mulai 1 September 2022 hingga 31 Disember 2022.

**B) Cara Pengemaskinian Permohonan Rumah Mampu Milik Secara Manual:**

1. Pemohon perlu mengisi semula Borang PN1 yang boleh dimuat turun di Portal Rasmi LPNPP iaitu *www.lpnpp.gov.my*.
2. Pemohon juga perlu kemukakan dokumen sokongan bersama-sama Borang PN1 yang telah dimuat turun di Portal Rasmi LPNPP seperti berikut:
   i. Salinan Kad Pengenalan pemohon dan pasangan;
   ii. Salinan Penyata Gaji pemohon dan pasangan (Akuan sumpah jika tidak bekerja atau bekerja sendiri pemohon dan pasangan);
   iii. Salinan Pendaftaran SSM (sekiranya berniaga sendiri);
   iv. Salinan KWSP pemohon dan pasangan;
   v. Salinan CCRIS pemohon dan pasangan;
   vi. Salinan Semakan Daftar Pemilih (SPR) pemohon; dan
   vii. Salinan Sijil Perkahwinan.
3. Borang PN1 dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara serahan tangan ke Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang, Paras 20, KOMTAR.
4. Pemohon yang ingin mengemaskini maklumat permohonan secara manual boleh dilakukan mulai 1 September 2022 hingga 31 Disember 2022.

Para pemohon boleh menyemak nama dan status di Portal Rasmi Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) iaitu *https://www.lpnpp.gov.my*.

Jadi, segera kemaskini untuk mengekalkan status **AKTIF** bermula daripada 1 September 2022 hingga 31 Disember 2022.

**"KEMASKINI UNTUK KEKAL KEMAS DAN TERKINI"**

# Sumbangan dron, mesin padi beri manfaat kepada hampir 600 pesawah



KETUA Menteri cuba menerbangkan dron pada majlis penyerahan peralatan pertanian dan demonstrasi mesin padi serta dron bersempena Siri Jelajah ❤PENANG Parlimen Kepala Batas dekat Permatang Manggis di sini baru-baru ini.



KANAK-kanak tidak melepaskan peluang melihat demonstrasi mesin padi.

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PINANG TUNGGAL -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyumbangkan dron dan mesin padi bernilai kira-kira RM200,000 yang mampu memberi manfaat kepada hampir 600 pesawah.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata inisiatif tersebut adalah sebahagian daripada strategi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi di samping memastikan kelestarian industri padi di negeri ini.

Selain itu kata beliau, inisiatif tersebut juga adalah untuk menggalakkan kelompok padi menubuhkan koperasi di kawasan masing-masing sejak tahun 2020.

"Bagi Daerah Seberang Perai Utara (SPU), kita telah luluskan seunit dron pertanian kepada Koperasi Kelompok Padi Lahar Kepar bernilai RM71,000 dan memberi manfaat kepada 150 pesawah dengan keluasan 190 hektar.

"Penggunaan teknologi seperti dron telah membantu memudahkan aktiviti meracun di samping dapat mengawal penyakit secara berkesan yang secara tidak langsung akan meningkatkan hasil padi.

"Ini penting kerana Pulau Pinang merupakan antara negeri pengeluaran hasil padi yang tertinggi dalam negara walaupun kita mempunyai tanah bersaiz kecil berbanding negeri-negeri lain," katanya pada sidang media dalam majlis penyerahan peralatan pertanian dan demonstrasi mesin padi serta dron dekat Dewan Mini Estet Padi, Permatang Manggis di sini pada 29 Julai lalu.

Pada tahun 2021 pula, kata Kon Yeow, Kerajaan Negeri meluluskan insentif seunit mesin padi bernilai RM139,200 kepada Kelompok Paya Keladi merangkumi 307.9 hektar keluasan padi yang memberi manfaat kepada 441 pesawah.

"Justeru, adalah diharapkan agar usaha-usaha ini dapat memperbanyakkan lagi kawasan yang mengguna teknologi bagi membantu meningkatkan hasil padi dan pendapatan pesawah," ulasnya lanjut.

## RM3.096 juta bina semula SAR Bertam Putra

**BERTAM -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyalurkan RM3,096262 melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) bagi pelaksanaan projek pembinaan semula Sekolah Agama Rakyat (SAR) Bertam Putra di sini.

Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya (JKR) Seberang Perai Utara, Ir. Mohd. Zuwairi Samsuddin berkata, pelaksanaan projek tersebut kini berada pada tahap 99 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada Ogos 2022.




RUPA bentuk SAR Bertam Putra yang dalam proses pembinaan kini.

"Projek ini sepatutnya siap pada 2 September 2022, namun kita berjaya percepatkan kira-kira tiga peratus daripada jadual asal, dan projek ini dijangka siap lebih awal iaitu pada bulan Ogos.

"Selepas melakukan penyambungan bekalan air dengan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) maka, bangunan ini akan diserahkan kepada JHEAIPP sebelum tarikh yang ditetapkan," katanya kepada Buletin Mutiara selepas memberi taklimat kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sempena Siri Jelajah ❤PENANG Parlimen Kepala Batas ke tapak projek berkaitan di sini 29 Julai lalu.

Dalam pada itu, Kon Yeow mengucapkan syabas dan tahniah kepada JKR selaku agensi pelaksanaan kerana dapat menyiapkan projek berkenaan lebih awal berbanding yang dijadualkan.

"Bangunan ini merupakan kemudahan penting untuk masyarakat setempat kerana kita tahu para pelajar sekarang sedang mengikuti pelajaran di surau-surau dan premis-premis yang disewa khas.

"Maka dengan siapnya bangunan ini, lebih 200 pelajar dapat mengikuti pembelajaran dalam suasana yang lebih selesa," katanya sambil menyatakan bahawa kos pembangunan turut dikurangkan berbanding peruntukan asal.

Sementara itu, Ketua Penolong Bahagian Pendidikan JHEAIPP, Faizal Ibrahim menzahirkan penghargaan atas keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menyediakan peruntukan untuk menambah baik institusi pendidikan Islam di negeri ini.

"Kita ucapkan berbanyak terima kasih kepada YAB Ketua Menteri khasnya Kerajaan Negeri yang telah memberi peruntukan kepada JHEAIPP untuk menyediakan kemudahan lebih baik kepada pelajar sekolah agama terutamanya bagi mengikuti pengajian Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)," ujarnya.

Difahamkan, projek pembinaan semula SAR Bertam Putra adalah melibatkan sebuah bangunan akademik empat tingkat, rumah sampah dan rumah pam serta dewan serba guna terbuka.

Selain itu, bangunan tersebut juga dilengkapi dengan 11 bilik darjah yang mampu memuatkan sehingga 275 pelajar dan dibina dengan ciri-ciri mesra orang kurang upaya (OKU).

# Pusat jualan hasil laut Jeti Nelayan Changkat bantu tingkat ekonomi nelayan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**JAWI** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan hampir RM800,000 bagi projek pembinaan pusat jualan hasil laut dan gerai makanan dekat Jeti Nelayan Changkat di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pembinaan pusat pengoperasian berkenaan dapat membantu meningkatkan pendapatan serta menaikkan taraf sosioekonomi nelayan.

"Skop kerja bagi projek ini pula adalah meliputi pembinaan pusat jualan ikan, gerai makanan, tandas, inap desa (kontena), stor dan landasan kapal.

"Justeru, dengan adanya pusat jualan ini, adalah diharapkan ia dapat menyelesaikan isu peraih atau orang tengah yang sukar dibendung sehingga kini," katanya pada Majlis Pecah Tanah Bagi Projek Pembinaan Pusat Jualan Hasil Laut dan Gerai dekat Jeti Nelayan Changkat di sini pada 2 Ogos lalu.

Program berkenaan dianjurkan bersempena Jelajah ❤PENANG Ketua Menteri ke Parlimen Nibong Tebal.

Turut hadir, Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye; ADUN Sungai Bakap merangkap Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Dato' Dr. Amar Pritpal Abdullah; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik; ADUN Komtar, Teh Lai Heng; Ketua Penolong Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Mohd. Balkish Othman serta ramai lagi.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata bahawa pelaksanaan projek berkenaan ketika ini masih pada peringkat pelantikan juruukur oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang.

**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri melancarkan papan tanda khas Jeti Nelayan Changkat bersempena Siri Jelajah ❤PENANG ke Parlimen Nibong Tebal baru-baru ini.**




"Dan saya berharap agar JKR Pulau Pinang sebagai agensi pelaksana dapat memastikan kemajuan projek ini berada pada landasan tepat sebagaimana yang dijadualkan," katanya.

Sementara itu, Norlela memberitahu bahawa projek pembinaan pusat jualan tersebut dijangka siap pada tahun depan.

"Terima kasih kepada Unit Nelayan Changkat yang telah membuat permohonan terus kepada saya untuk membangunkan jeti ini pada tahun 2020.

"Sejujurnya, saya amat bangga kerana Unit Nelayan Changkat menjadi satu contoh sebagai sebuah unit yang mempunyai matlamat jangka masa panjang untuk pembangunan ekonomi nelayan dan penduduk setempat," ujarnya.

Dalam pada itu, Mooi Lye menzahirkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah banyak membantu meningkatkan infrastruktur asas di Jeti Nelayan Changkat.

"Sejak ditadbir oleh Kerajaan Pakatan Harapan, banyak perubahan telah dilaksanakan di sini seperti menaik taraf dataran tempat letak kenderaan, tambahan lantai jeti, penyediaan bekalan air dan elektrik, tempat rehat serta pemasangan lampu jalan.

"(Dan) sehingga kini, lebih RM1 juta telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membangunkan kemudahan di Jeti Nelayan Changkat ini," ulasnya sambil menambah bahawa kehadiran pelancong ke jeti berkenaan juga dilihat meningkat dari tahun ke tahun.

Difahamkan, Jeti Nelayan Changkat sememangnya popular dalam kalangan pelancong luar dan tempatan khususnya untuk kegiatan memancing.

---

## Silang Kata 'Dari Gabenor Ke TYT'

### Siri 1

**Melintang**

3. Kediaman rasmi pertama Gabenor Pulau Pinang
5. Taraf jawatan Kapten Francis Light
7. Konsep reka bentuk bangunan Seri Mutiara
9. George Town diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia ..........
10. Lokasi makam Allahyarham Tun Syed Sheh Abdullah Shahabudin
12. Sukan kegemaran Tun Abdul Rahman Abbas
13. Pentas khas bagi majlis-majlis istiadat
14. Nama asal kediaman rasmi Seri Mutiara

**Menegak**

1. Maksud warna kuning bendera Pulau Pinang
2. Kerjaya awal Allahyarham Tun Syed Sheh Barakbah
4. Negeri asal kerabat Allahyarham YAM Raja Tun Uda
6. Tuan Yang Terutama Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dilantik sebagai Canselor ..........
8. Sebelum George Town, Pulau Pinang lebih dikenali sebagai Tanjung ..........
9. Bapa kepada Allahyarham Tun Hamdan Sheikh Tahir merupakan .......... terkenal
11. Tempat kelahiran Allahyarham Tun Sardon Jubir



Tarikh tutup bagi Siri 1: **31 Oktober 2022**

**Lengkapkan slogan di bawah:**
Pameran Dari Gabenor Ke TYT merupakan pameran yang ..........................................
..........................................
..........................................
*(tidak melebihi 20 patah perkataan)*

2030 ❤PENANG

BULETIN MUTIARA PSAG PENANG STATE ART GALLERY

**Sila lengkapkan butiran berikut :**

Nama Penuh: ..........................................
No. Kad Pengenalan: ..........................................
Alamat: ..........................................
..........................................
..........................................
No. Telefon: (Bimbit) ..........................................
Emel: ..........................................

**Terma & Syarat Peraduan:**

1. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
2. Lengkapkan silang kata berserta slogan paling kreatif tidak melebihi 20 patah perkataan.
3. Hanya borang penyertaan asli boleh digunakan.
4. Peserta hanya boleh menghantar SATU penyertaan sahaja.
5. Hanya penyertaan lengkap akan diadili.
6. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
7. Tarikh TUTUP bagi Siri 1 ialah 31 Oktober 2022.
8. Sebarang pertanyaan sila hubungi 04-650 5564/5256/5704.
9. Hantar penyertaan ke :
   Buletin Mutiara, Peraduan Silang Kata - Dari Gabenor ke TYT,
   Tingkat 47 KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

**Jawapan silang kata boleh didapati di Pameran Dari Gabenor ke TYT yang berlangsung di Dewan Sri Pinang bermula 15 Ogos - 27 Oktober 2022.**

**Hadiah:**

**Pertama:** RM300 + barangan cenderamata
**Kedua:** RM200 + barangan cenderamata
**Ketiga:** RM100 + barangan cenderamata

# Skuad boling padang harap akhiri ‘KEMARAU PINGAT EMAS’

Sukan MALAYSIA XX MSN 2022 #DemiMalaysia

## LIPUTAN KHAS



MUHAMMAD Hafiz Zahari (tengah) bersama-sama pasukan boling padang negeri.

**TANPA** membawa pulang sebarang pingat sejak temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2016 di negeri Sarawak dan SUKMA 2018 dekat Perak, disifatkan sebagai ‘kemarau pingat emas’ buat skuad boling padang negeri Pulau Pinang.

Jurulatih, **MUHAMMAD HAFIZ ZAHARI**, 30, dalam wawancara bersama-sama Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** (jurugambar) baru-baru ini berkata bahawa beliau berharap ’kemarau pingat’ itu akan berakhir pada musim saingan SUKMA Edisi Khas 2022 yang dijadual bermula pada 16 hingga 25 September ini.

“Dari segi kedudukan (mengikut negeri), kalau saya nak ukur berdasarkan dua musim saingan SUKMA (2018 dan 2016), kita (Pulau Pinang) agak kurang baik.

“Tetapi, dalam kejohanan yang kita (Pulau Pinang) sertai baru-baru ini, kalau kejohanan boling padang terbuka, kebanyakannya (kejohanan itu), atlet kita berada pada kedudukan 16 terbaik,” jelasnya di arena latihan dekat Kompleks Sukan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Bertam baru-baru ini.

Menjelaskan dengan lebih lanjut, Muhammad Hafiz memberitahu bahawa beliau mengambil tanggungjawab sebagai jurulatih sepenuh masa bermula pada tahun 2019.

“Saya adalah bekas atlet negeri sejak tahun 2007 dan kali terakhir menyertai SUKMA adalah pada tahun 2012; menjadi jurulatih sepenuh masa sejak tahun 2019,” ujarnya.

Kini, kata Muhammad Hafiz lagi, seramai enam atlet lelaki dan enam atlet wanita sedang menjalani latihan intensif di bawah bimbingannya, sebelum menyahut cabaran dalam saingan SUKMA 2022.

Atlet lelaki berkenaan adalah Muhammad Hanis Mahadzir, Ammar Rabbani Ahmad Lutfi, Muhammad Zuhair Aiman Ahmad Azhar, Aidid Mohamad, Aiman Hakimi Ahmad Lutfi dan Izz Mukmin Rosli

Manakala barisan atlet wanita pula adalah Nurul Fazlin Zahari, Aisyah Nabilah Ahmad Lutfi, Farhah Mohamad, Marha Farzana Zanzuri, Irdina Nur Iman Zuraidi dan Nurhidayah Padzil.

Bersempena saingan SUKMA 2022, Muhammad Hafiz menyatakan bahawa pihaknya meletakkan harapan yang tinggi kepada dua atlet regu wanita negeri, Nurul Fazlin, 23, dan Aisyah Nabilah, 22, untuk menamatkan ‘kemarau pingat emas’ selama dua musim belakangan ini.

Dalam konteks emas negeri Pulau Pinang, Muhammad Hafiz berpendapat bahawa sukan tersebut tidak mudah seperti yang dilihat dalam kaca televisyen - yang mana para atlet hanya meleretkan bola boling atas padang rata.

“Mungkin kerana sukan ini ‘tidak mudah’ dan agak mencabar, maka kurang mendapat sambutan ramai pihak di negara ini.

“Semasa sesi latihan umpamanya, cabaran utama yang terpaksa dihadapi para atlet adalah fasiliti tempat latihan kita di sini masih bukan mengikut piawaian kejohanan.

“Semasa kejohanan pula, cabaran paling besar adalah kekuatan mental untuk bertahan sepanjang masa saingan.

“Satu-satu perlawanan boling padang ini memakan masa selama dua jam, kemudian rehat untuk makan tengah hari, disusuli dengan perlawanan dua jam berikutnya dan dua jam berikutnya (secara berterusan).

“Jadi, seseorang atlet itu mungkin bersaing selama enam jam atau lapan jam untuk hari perlawanan, bergantung pada jadual saingan.

“Seperti SUKMA 2022 di Kuala Lumpur, walaupun dilangsungkan secara tertutup, tidak perlu berada di bawah panas matahari, ia tetap memerlukan tenaga dan kekuatan mental secara berterusan bagi memburu kemenangan.

“Selalunya sesi perlawanan pertama dan kedua, tumpuan dan stamina para atlet bagus, tetapi pada sesi perlawanan seterusnya mungkin mereka akan ‘goyang’ (tumpuan akan mula merosot) kerana terpaksa menempuhi masa begitu panjang dalam satu-satu hari perlawanan,” ulasnya lanjut.

Melihat potensi serta kekurangan yang ada pada skuad boling padang negeri, Muhammad Hafiz menyatakan bahawa beliau berusaha menambahkan masa sesi latihan di arena sebelum menyahut saingan dalam SUKMA 2022 nanti.

“Setiap hari Rabu hingga Jumaat, masa latihan bermula pada jam 5 petang hingga 9 malam (manakala) pada Sabtu ada dua sesi iaitu 8 pagi hingga 11 pagi dan 4 petang hingga 7 malam.

“(Sesi latihan) itu, tidak termasuk latihan di gimnasium selama dua jam (5 petang hingga 7 malam) pada hari Selasa dan Jumaat.

“Habis sahaja PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) pada bulan September tahun lepas (2021), skuad boling padang negeri terus memulakan latihan secara intensif di sini,” tambahnya.

Selain melatih atlet boling padang negeri, Muhammad Hafiz memberitahu bahawa beliau turut melaksanakan program pembangunan bagi sukan itu dengan mencari bakat baharu.

